

PENDAPATAN NEGARA BERTERASKAN AL-QUR'AN: KE ARAH SISTEM EKONOMI YANG ADIL DAN SEIMBANG

PENDAPATAN NEGARA BERTERASKAN AL-QUR'AN: KE ARAH SISTEM EKONOMI YANG ADIL DAN SEIMBANG

Nor Asmira Mat Jusoh ^{1*}
Raudlotul Firdaus Fatah Yasin ²
Nur Arfifah Abdul Sabian ³

¹ Academy of Contemporary Islamic Studies, University Technology MARA (UiTM) Kelantan's Branch, (E-mail: norasmira@uitm.edu.my)

² Department of Quran and Sunnah studies, Abdulhamid Abu Sulayman Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, International Islamic University Malaysia (IIUM) (E-mail: rawda@iium.edu.my)

³ Kulliyah of Economics and Management Sciences, International Islamic University Malaysia (IIUM), (E-mail: nurarfifah@iium.edu.my)

*Corresponding author: (E-mail: norasmira@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 9-4-2026
Revised date : 10-4-2026
Accepted date : 24-4-2026
Published date : 30-4-2026

To cite this document:

Mat Jusoh, N. A., Firdaus Fatah Yasin, R., & Abdul Sabian, N. A. (2026). Pendapatan negara berteraskan al-Qur'an: Ke arah sistem ekonomi yang adil dan seimbang. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (82), 179 – 189.

Abstrak: *Islam sebagai agama yang syumul telah menggariskan prinsip-prinsip asas berkaitan pengurusan harta dan hasil negara bagi memastikan pengagihan kekayaan yang seimbang dalam masyarakat. Kajian ini bertujuan menganalisis sumber-sumber pendapatan negara dari perspektif al-Qur'an serta menilai peranan instrumen kewangan Islam dalam mewujudkan keadilan ekonomi dan kesejahteraan sosial. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah kajian kepustakaan dengan merujuk kepada al-Qur'an serta tafsir klasik dan penulisan kontemporari dalam ekonomi Islam. Analisis dilakukan secara deskriptif dan tematik bagi mengenal pasti bentuk serta fungsi sumber pendapatan negara seperti zakat, ghanimah, fay', serta sumbangan sukarela seperti infak dan wakaf. Dapatan kajian menunjukkan bahawa zakat memainkan peranan penting bukan sahaja sebagai ibadah, tetapi juga sebagai instrumen ekonomi yang efektif dalam mengurangkan kemiskinan, merapatkan jurang sosial dan memastikan keadilan dalam pengagihan kekayaan. Selain itu, instrumen-instrumen lain turut menyumbang kepada pembentukan sistem kewangan awam yang holistik dan berteraskan wahyu. Kajian ini juga mendapati bahawa prinsip-prinsip pendapatan negara dalam al-Qur'an berpotensi menjadi alternatif kepada sistem ekonomi konvensional dalam menangani isu ketidakseimbangan ekonomi semasa. Kesimpulannya, pelaksanaan sistem pendapatan negara berasaskan al-Qur'an mampu mewujudkan pembangunan ekonomi yang lebih inklusif, adil dan mampan.*

Kata Kunci: *Pendapatan Negara, al-Qur'an, Ekonomi.*

Abstract: *Islam, as a comprehensive way of life, provides fundamental principles governing wealth management and public finance to ensure equitable distribution of resources within society. This study aims to analyse the sources of state revenue from the perspective of the Qur'an and to evaluate the role of Islamic financial instruments in promoting economic justice and social well-being. This research adopts a qualitative approach through a library-based method, referring to the Holy Qur'an, including classical exegesis and contemporary writings on Islamic economics. The analysis is conducted using descriptive and thematic approaches to identify the forms and functions of state revenue sources such as zakat, ghanimah, fay', and voluntary contributions including infaq and waqf. The findings reveal that zakat plays a crucial role not only as an act of worship but also as an effective economic instrument in reducing poverty, narrowing social inequality, and ensuring fair wealth distribution. Other instruments also contribute to the development of a holistic public finance system grounded in divine guidance. Furthermore, the study highlights that Qur'anic principles of state revenue offer significant potential as an alternative to conventional economic systems in addressing contemporary economic imbalances. In conclusion, the implementation of Qur'an-based state revenue mechanisms can foster a more inclusive, just, and sustainable economic development.*

Keywords: *State revenue sources, al-Qur'an, Economy.*

Pengenalan

Islam merupakan agama yang *syumul* (lengkap) yang merangkumi seluruh aspek kehidupan, termasuk sistem ekonomi dan kewangan negara. Al-Qur'an sebagai sumber utama *syariat* (perundangan) telah menggariskan prinsip-prinsip asas berkaitan pengurusan harta dan sumber pendapatan bagi memastikan keadilan sosial serta kesejahteraan masyarakat. Dalam konteks negara, setiap pemerintah atau kerajaan memerlukan sumber pendapatan untuk menjalankan tadbir urus, mengekalkan penguasaan politik, membangunkan kestabilan ekonomi dan mewujudkan kesejahteraan sosial (Mahzir, 2020).

Keadilan ekonomi dalam Islam bukan sekadar tentang pengumpulan kekayaan, tetapi lebih utama adalah mengenai bagaimana kekayaan tersebut diperoleh dan diagihkan secara saksama. Hal ini kerana setiap sumber kekayaan yang ada di muka bumi ini pada hakikatnya adalah milik Allah SWT, manakala manusia dan pemerintah hanyalah pemegang amanah yang bertanggungjawab menguruskannya demi kemaslahatan ummah. Tanpa sistem pendapatan yang sistematik dan berlandaskan wahyu, sesebuah negara berisiko menghadapi jurang kekayaan yang ekstrem dan ketidakstabilan sosial.

Berbeza dengan sistem ekonomi konvensional yang banyak bergantung kepada percukaian semata-mata, Islam memperkenalkan pelbagai sumber pendapatan yang berasaskan wahyu, seperti *zakat*, *ghanimah*, *fay'* dan sumbangan sukarela melalui instrumen infak dan wakaf. Sumber-sumber ini bukan sahaja bertujuan menjana hasil negara, bahkan berfungsi sebagai mekanisme penyucian harta dan alat pengagihan semula kekayaan. Matlamatnya adalah agar kekayaan tersebut tidak hanya beredar dalam kelompok elit atau golongan tertentu sahaja, sebagaimana yang ditegaskan dalam Surah al-Hashr:

﴿... كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ ...﴾

Maksudnya: "...supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya sahaja dalam kalangan kamu..."

(59:7)

Walaupun terdapat pelbagai kajian yang membincangkan sistem ekonomi Islam dan sumber pendapatan negara seperti zakat, ghanimah, fay', kharaj dan jizyah, kebanyakan kajian terdahulu cenderung menumpukan kepada perbincangan bersifat umum tanpa memberikan analisis yang komprehensif berasaskan sumber utama iaitu al-Qur'an secara khusus dan sistematik. Sebahagian kajian juga lebih memberi penekanan kepada aspek fiqh atau sejarah pelaksanaan instrumen-instrumen tersebut pada zaman awal Islam, namun kurang mengintegrasikan pendekatan tematik yang menghimpunkan keseluruhan sumber pendapatan negara dalam satu kerangka analisis yang holistik.

Justeru, kajian ini berusaha mengisi jurang tersebut dengan menganalisis secara mendalam sumber-sumber pendapatan negara yang dinyatakan dalam al-Qur'an serta menilai peranan dan relevansinya dalam membentuk sistem kewangan awam yang lebih adil, seimbang dan mampan pada masa kini. Kajian ini juga akan menyentuh bagaimana prinsip-prinsip al-Qur'an ini mampu menjadi solusi kepada krisis ekonomi moden yang sering kali berpunca daripada ketidakadilan dalam pengagihan sumber hasil negara. Kajian ini memberikan sumbangan akademik yang signifikan melalui pendekatan tematik yang holistik dalam mengintegrasikan pelbagai sumber pendapatan negara seperti zakat, *ghanimah*, *fay'*, *kharaj*, dan galian ke dalam satu kerangka analisis berteraskan al-Qur'an, sekali gus mengisi jurang kajian terdahulu yang sering bersifat umum atau terbatas kepada perspektif sejarah dan fiqh klasik semata-mata

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian perpustakaan (library research). Data dikumpul melalui penelitian terhadap ayat-ayat al-Quran yang dipilih secara sistematik melalui penelitian terhadap nas yang menyentuh secara langsung instrumen kewangan dan hasil negara seperti zakat, sedekah, ghanimah, dan jizyah. Kajian ini merujuk kepada tafsir klasik seperti al-Qurtubi dan penulisan kontemporari merangkumi buku-buku ekonomi Islam serta artikel jurnal berindeks bagi mendapatkan kefahaman yang mendalam tentang maksud ayat serta aplikasi hukumnya bagi menyokong hujah dan perbincangan. Semua data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif dan tematik untuk merumuskan klasifikasi sumber pendapatan negara mengikut perspektif al-Qur'an dan pelaksanaannya dalam sejarah Islam awal bagi memberikan gambaran yang jelas tentang potensinya dalam sistem kewangan kontemporari.

Pendapatan Negara

Terdapat pelbagai definisi berkaitan dengan pendapatan negara. Md Masud Rana (2023) mendefinisikan pendapatan sebagai dana yang dikutip oleh pihak kerajaan daripada pelbagai sumber bagi menampung perbelanjaan serta operasi negara. Ianya merangkumi pelbagai sumber seperti cukai pendapatan, cukai jualan, hartanah, kutipan yuran, denda, serta perolehan daripada agensi milik kerajaan dan bantuan subsidi. Dana tersebut kemudiannya disalurkan untuk penyediaan kemudahan awam termasuklah pertahanan, pembangunan infrastruktur, pendidikan, kesihatan program kebajikan rakyat dan lain-lain. Menurut Enahoro dan Olabisi (2012), pendapatan negara merujuk kepada kaedah yang digunakan oleh pihak kerajaan untuk mendapatkan sumber kewangan demi membiayai perbelanjaan modal serta perbelanjaan mengurus.

Setiap negara atau wilayah mempunyai sumber pendapatan yang berbeza disebabkan beberapa faktor utama terutamanya dipengaruhi faktor geografi, adat, budaya dan agama pula menentukan corak dan bagaimana sektor ekonomi dijalankan. Pungutan hasil yang banyak, berterusan serta mampu memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara boleh dianggap

sebagai sumber pendapatan utama (Mahzir et al, 2020). Antara sumber pendapatan negara yang disebut dalam al-Qur'an Adalah:

Zakat

Zakat merupakan sumber pendapatan yang paling penting dalam sistem ekonomi Islam. Zakat wajibkan pada tahun kedua selepas Hijrah. Baginda Nabi SAW melantik pengurus zakat yang bertugas untuk mengutip dan mengagihkan zakat kepada para penerimanya. Oleh itu, zakat merupakan hasil pertama dan utama dalam sistem fiskal kerajaan Islam. Dalam keadaan di mana hasil zakat tidak mencukupi untuk menampung kewangan awam, baginda Nabi SAW terpaksa bergantung kepada sumbangan sukarela dan pinjaman. (Yusof Othman & Wan Fisol, 2019).

Zakat berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud kebersihan, penyucian, peningkatan, pertumbuhan, kebenaran, keberkatan dan pujian (Hossain, 2012). Penyucian tersebut merangkumi aspek fizikal dan juga kerohanian, di mana jiwa pemilik harta secara mentalnya bebas daripada hukuman Ilahi yang berkaitan dengan kekayaannya, selain ia turut melindungi serta memberi keberkatan kepada harta dan hak milik tersebut. Menurut Ibn Taymiyyah, zakat bermaksud menjadikan jiwa pembayar zakat dan harta mereka lebih baik serta bersih dari segi moral dan spiritual. (Mohd. Waliuddin Mahmud & Sayed Sikandar Shah Haneef, 2008). Dalam perundangan Islam, zakat ditakrifkan sebagai jumlah wang tertentu yang wajib dibayar oleh setiap individu Muslim yang dewasa, berakal, merdeka, dan berkemampuan dari segi kewangan, sama ada lelaki mahupun perempuan, kepada golongan orang yang tertentu (Ritonga & Mahyudin, 2020)

Perkataan zakat disebut sebanyak tiga puluh kali di dalam al-Quran, di mana lapan daripadanya diturunkan di Makkah manakala selebihnya diturunkan di Madinah. Terdapat 27 ayat dalam al-Quran yang menghubungkan zakat dengan solat. Selain itu, terdapat istilah lain yang digunakan seperti sedekah yang disebut sebanyak empat kali dalam Surah al-Taubah: 58, 60, 74 dan 103 yang membawa maksud *zakat*. Istilah lain seperti *anfaqa* dalam Surah al-Baqarah: 267 dan Surah al-Taubah: 34 juga dimaksudkan sebagai zakat.

Aset yang dikenakan zakat yang disebut di dalam al-Quran merangkumi hasil pertanian, emas dan perak, serta kekayaan yang dikeluarkan dari bumi. Baginda Nabi SAW telah memperincikan terma dan syarat bagi harta yang dizakatkan seperti emas dan perak, hasil pertanian, kekayaan yang dikeluarkan dari bumi (*ma'adin*), harta karun purba (*al-rikaz*) dan binatang ternakan.

Berdasarkan al-Quran dan Sunnah, sebahagian ulama berpendapat bahawa antara harta yang wajib dizakatkan ialah binatang ternakan seperti unta, lembu dan kambing, wang, emas atau perak yang digunakan sebagai aset perniagaan dan simpanan, tanaman yang digunakan sebagai makanan ruji seperti beras, gandum, barli, kurma dan kismis, serta harta karun yang tersembunyi di bawah tanah oleh orang terdahulu dan perlombongan di bawah atau di atas permukaan bumi.

Dalam konteks negara, zakat berperanan sebagai instrumen fiskal yang bukan sahaja menjana pendapatan, tetapi juga berfungsi mengurangkan jurang kemiskinan dan meningkatkan kesejahteraan sosial. Ia mencerminkan keseimbangan antara tanggungjawab individu dan kepentingan masyarakat.

Konsep zakat bukan sekadar amal kebajikan, malah merupakan instrumen ekonomi yang dirangka untuk mengatasi ketidaksamaan ekonomi dan mengurangkan jurang sosial. Dengan mengumpulkan zakat daripada lebih harta dan mengagihkannya secara sistematik, ia dapat mewujudkan keseimbangan sosial, mengurangkan kemiskinan serta mempromosikan keadilan ekonomi. Dalam konteks ini, zakat bukan sahaja berfungsi sebagai ibadah, tetapi juga sebagai sebahagian daripada strategi ekonomi yang berasaskan nilai-nilai Islam yang menekankan kesaksamaan, kesejahteraan bersama dan pembangunan sosial yang mampan.

Sedeqah

Sedekah amat digalakkan di dalam al-Qur'an dan Hadis sebagai cara yang paling mulia untuk membelanjakan harta di jalan Allah SWT serta membantu golongan yang memerlukan. Manfaat sedekah bukan sekadar untuk penyucian rohani, malah berfungsi sebagai alat untuk membina kelestarian sosio-ekonomi. Pemberian amal dalam Islam boleh dalam bentuk sedekah, infak, wakaf, wasiat, hibah dan hadiah. Secara amnya, kebajikan adalah satu tindakan pemberian mulai oleh seseorang kepada orang lain demi keredaan Allah dalam pelbagai bentuk dan cara.

Al-quran menggariskan beberapa syarat berkaitan sedekah. Ianya mestilah dilakukan dengan penuh ikhlas semata-mata demi mencari keredaan Allah, seperti yang ditegaskan dalam surah al-baqarah 2:177, dan ia hendaklah ditujukan untuk kebajikan golongan miskin tanpa sebarang harapan untuk mendapat balasan atau pengiktirafan daripada orang lain (2: 262). Ia tidak boleh didorong oleh sifat riyak atau keinginan untuk menunjuk-nunjuk, memandangkan perbuatan sedemikian membatalkan nilai spiritual sesuatu sedekah (2: 264). Seterusnya, Al-Quran menunjukkan bahawa memberi infāq secara sembunyi adalah lebih baik daripada memberinya secara terang-terangan, kerana ia lebih memelihara keikhlasan dan menjaga maruah penerima (2: 271). Tambahan pula, infāq hendaklah bersumberkan daripada pendapatan dan aset yang halal serta dibenarkan di sisi Islam (2:267). Syarat ini amat relevan dalam konteks kontemporari, terutamanya memandangkan amaran Rasulullah SAW bahawa akan tiba suatu masa di mana manusia tidak lagi peduli sama ada harta mereka diperoleh secara halal atau haram (sahih al-Bukhari). Akhir sekali, orang beriman digesa untuk menyegerakan pemberian infāq sebelum maut menjemput, agar mereka tidak menyesal atas peluang yang terlepas untuk berbelanja di jalan Allah (63:10)

Menurut ajaran Islam, pemberian amal dan sedekah mempunyai beberapa fungsi. Perbuatan bersedekah merupakan penghapus dosa. Orang beriman diminta untuk memberi sedekah segera setelah melakukan sebarang pelanggaran atau kesilapan. Pemberian sedekah secara sukarela juga boleh menampung sebarang kekurangan dalam pembayaran zakat pada masa lalu. Selain itu, sedekah memberikan perlindungan daripada segala jenis keburukan. Sedekah menolak bala di dunia ini, serta azab pada Hari Penghakiman. Oleh itu, amat disyorkan untuk bersedekah pada waktu malam dan siang, secara sembunyi mahupun terang-terangan demi mencari keredaan Allah. Pemberian yang sedikit secara berterusan dikatakan lebih diredai Allah berbanding pemberian yang banyak tetapi hanya dilakukan sekali-sekala.

Daripada perbincangan tersebut, dapat disimpulkan bahawa pemberian amal boleh dilakukan dalam apa jua cara, tidak hanya terhad kepada pemberian material tetapi juga merangkumi aspek bukan material seperti berbuat baik terhadap orang lain. Turut didapati daripada perbincangan bahawa banyak instrumen boleh digunakan untuk melaksanakan pemberian amal seperti wasiat, hibah, hadiah dan wakaf. Perkataan sedekah, infak dan wakaf paling banyak digunakan bagi mewakili maksud amal kebajikan dalam Islam yang pada asasnya merujuk

kepada tindakan membelanjakan sebahagian daripada harta demi keredaan Allah, dan terdapat dua kategori utama perbelanjaan untuk tujuan kebajikan iaitu pemberian amal yang wajib dan pemberian amal secara sukarela.

Sumber Galian

Salah satu sumber pendapatan sistem ekonomi Islam ialah hasil galian. Sumber galian, perlombongan atau hasil bumi tidak disebut dengan jelas dalam al-Qur'an, tetapi ianya dapat difahami melalui istilah yang berkaitan seperti harta karun, logam dan kekayaan yang dikeluarkan dari perut bumi. Al-Qur'an menggalakkan manusia untuk memanfaatkan hasil perlombongan di daratan dan lautan serta aset ekonomi yang lain.

Wahyuni et al. (2020) menjelaskan bahawa ulama umumnya membahagikan bahan mineral kepada dua kategori iaitu al-zahir dan al-batin. Mineral al-zahir adalah bahan yang tidak memerlukan usaha dan proses tambahan untuk mencapai bentuk akhirnya, dan bahan mineralnya muncul secara semula jadi. Contoh mineral jenis ini ialah garam dan minyak. Mineral minyak boleh didapati dalam keadaan yang sebenarnya. Tiada proses lanjut diperlukan untuk menukarkannya menjadi minyak, walaupun usaha yang besar diperlukan untuk meneroka dan menapis minyak tersebut. Dalam Fiqh, mineral al-batin bermaksud mana-mana mineral yang memerlukan usaha dan pemprosesan lanjut supaya sifat mineralnya muncul. Contoh mineral jenis ini ialah emas dan besi. Bahan-bahan tersebut tidak boleh diperolehi daripada perut bumi dalam keadaan yang sempurna tetapi memerlukan usaha yang besar untuk menukarkannya kepada emas dan besi yang boleh didagangkan.

Allah menjelaskan kepada kita dalam pelbagai ayat Al-Quran bahawa Dia memberikan sebahagian nabi kemampuan dan peluang untuk menerajui perlombongan serta memprosesnya. Oleh itu, manusia telah mendapat manfaat daripada lombong dan mineral ini sepanjang sejarah. Allah berfirman dalam Al-Quran: "Dan demi sesungguhnya, Kami telah memberikan kepada Nabi Daud limpah kurnia dari Kami (sambil Kami berfirman): 'Wahai gunung-ganang, ulang-ulangilah tasbih bersama-sama Nabi Daud, dan wahai burung-burung (lakukanlah juga demikian)!' Dan Kami telah melembutkan besi baginya." (Sūrah al- Saba': 10)

Ayat di atas menjelaskan bahawa Allah mengurniakan Nabi Daud (AS) kekuatan untuk melembutkan besi, membolehkan baginda menghasilkan baju besi dalam tempoh sehari semalam, yang setiap satunya bernilai seribu dirham. Hasil daripada usaha ini digunakan untuk memenuhi keperluan isi rumah baginda, sementara baginda juga memberikan sedekah kepada orang miskin dan yang memerlukan serta memperuntukkan satu pertiga daripada kekayaannya untuk kebajikan dan kepentingan awam masyarakat Islam. Al-Qurtubi (2006) seterusnya menegaskan bahawa ayat ini berfungsi sebagai bukti tentang keharusan bagi individu yang mulia dan berkedudukan tinggi untuk mempelajari kraf serta menceburi pekerjaan manual. Penglibatan sedemikian tidak mengurangkan darjat mereka, malah ia meningkatkan merit dan keutamaan mereka, kerana ia memupuk sifat rendah diri, berdikari, dan pencapaian pendapatan halal yang bebas daripada sebarang rasa terhutang budi atau celaan. Hal ini diperkukuhkan lagi oleh hadis sahih daripada Nabi (SAW), yang menyatakan bahawa sebaik-baik makanan yang dimakan oleh seseorang adalah hasil daripada usaha tangannya sendiri, dan bahawa Nabi Daud (AS) sendiri makan daripada hasil usaha tangannya sendiri.

Ghanimah

Ghanimah adalah harta yang diambil daripada tentera musuh melalui kaedah peperangan dan mempunyai cara pembahagian yang khusus (Mohd. Sharif & Abdullah, 2021). Istilah ghanimah

diperoleh daripada Al-Qur'an sebagaimana yang disebutkan oleh Allah (SWT) dalam ayat 41 dan 69 dalam Surah al-Anfal: "Dan ketahuilah, bahawa apa sahaja yang kamu perolehi sebagai harta rampasan perang, maka sesungguhnya satu perlima daripadanya adalah untuk Allah, dan untuk Rasul, dan untuk kaum kerabat (Rasul), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta musafir (yang terputus bekalan), jika kamu beriman kepada Allah dan kepada apa yang telah Kami turunkan kepada hamba Kami (Muhammad) pada hari Al-Furqan, iaitu hari bertemunya dua angkatan tentera (Islam dan musyrik). Dan Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu." (Sūrah al-Anfāl: 41).

Allah menjelaskan prinsip-prinsip pemerolehan dan penggunaan harta rampasan dalam kalangan masyarakat di dalam Al-Quran. Cukai yang dikutip daripada orang bukan Islam oleh orang Islam biasanya berasaskan kepada ayat-ayat berikut: "Maka makanlah daripada apa yang kamu telah dapati daripada harta rampasan perang itu sebagai (makanan) yang halal lagi baik, dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani." (Sūrah al-Anfāl: 69).

Kadar pembahagian harta rampasan perang telah disebutkan di dalam Al-Quran Adalah sebagaimana berikut: "Dan ketahuilah, bahawa apa sahaja yang kamu dapati sebagai harta rampasan perang, maka sesungguhnya satu perlima daripadanya adalah untuk Allah, dan untuk Rasul, dan untuk kaum kerabat (Rasul), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta musafir (yang terputus bekalan), jika kamu beriman kepada Allah dan kepada apa yang telah Kami turunkan kepada hamba Kami (Muhammad) pada hari Al-Furqan, iaitu hari bertemunya dua angkatan tentera (Islam dan musyrik). Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu." (Sūrah al-Anfāl: 69).

Satu perlima daripada bahagian ghanimah sebagaimana yang disebutkan dalam ayat di atas mestilah dibahagikan kepada tiga asnaf: pertama, kepada Nabi Muhammad (SAW) atau kepada pemerintah selepas kewafatan baginda, kedua kepada keluarga Nabi Muhammad dan ketiga kepada anak yatim, orang miskin serta musafir. Dalam kata lain, tiga jenis yang terakhir diletakkan di bawah satu asnaf dan hanya diberikan satu bahagian untuk dikongsi bersama.

Walau bagaimanapun, apabila 'Umar menjadi khalifah, beliau secara peribadi tidak bersetuju jika harta tersebut dibahagikan mengikut formula satu perlima seperti yang dilakukan terhadap ghanimah yang lain. Beliau malah berpendapat bahawa secara teknikalnya, adalah lebih baik harta tersebut dibekukan untuk manfaat generasi akan datang dan mesti diuruskan bagi mendapatkan kepentingan serta pulangan yang lebih baik untuk jabatan ketenteraan dan pertahanan. Memandangkan harta tersebut tidak dikategorikan sebagai ghanimah, maka 'Umar mencadangkan agar pemilik harta membayar cukai tanah (kharaj) kepada negara. Melalui kaedah tersebut, maka negara tidak akan kehilangan sumber pendapatan yang boleh diperolehi daripada harta-harta berkenaan (Mohd. Sharif & Abdullah, 2021).

Fay'

Fay' biasanya dikenali sebagai kekayaan kolektif umat Islam yang diperolehi daripada pencukaaian rakyat yang ditakluki. Istilah fay' digunakan dalam Al-Qur'an dan Sunnah secara eksklusif untuk hasil perang sama ada terdiri daripada tanah, ufti atau ganti rugi yang diperolehi daripada musuh yang telah meletakkan senjata sebelum pertempuran sebenar berlaku. Ia tidak dibahagikan seperti harta rampasan perang (ghanimah) dalam kalangan tentera, sebaliknya keseluruhannya adalah untuk Allah dan Rasul-Nya. Daripada Sunnah dan amalan Nabi Islam,

adalah jelas bahawa baginda sendiri menguruskan fay' selaku ketua bagi negara-negara Islam (Ismail, 2019).

Fay' merupakan pendapatan kewangan awam Islam dan sumber pembiayaan atau pendanaan negara. Allah (SWT) berfirman: "Dan apa sahaja harta rampasan yang Allah berikan kepada Rasul-Nya daripada mereka, maka kamu tidak perlu mengerahkan seekor kuda pun dan tidak juga seekor unta pun (untuk menyerang mereka), tetapi Allah memberikan kekuasaan kepada Rasul-rasul-Nya terhadap sesiapa yang dikehendaki-Nya; dan Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu." (Sūrah al-Ḥashr: 6).

Menurut Abu Ubaid, fay' merangkumi pendapatan umum negara seperti kharaj atau cukai, kecuali zakat. Selaras dengan Abu Ubaid, Addawudi juga menyatakan bahawa aset fay' adalah pendapatan negara selain zakat, iaitu kharaj, jizyah, ghanimah, ushur, dan pendapatan daripada perniagaan komersial kerajaan (Hamdi & Widiastuti, 2021).

Kharaj

Kharaj mewakili peratusan tertentu daripada pendapatan yang diperoleh daripada tanah atau harta benda dan ia termasuk tanah yang diperoleh melalui peperangan atau secara aman. Kharaj telah dilaksanakan pada awal pemerintahan Islam di Khaibar apabila orang Yahudi meminta agar tanah yang telah ditakluki oleh orang Islam kekal menjadi milik mereka kerana mereka adalah petani yang sangat mahir. Baginda Nabi (SAW) bersetuju dengan permintaan tersebut dengan syarat mereka menyerahkan separuh daripada hasil yang diperoleh daripada tanah tersebut sebagai cukai al-kharaj. (Johari & Ibrahim, 2010).

Kharaj dikenakan atas tanah-tanah yang ditaklukkan oleh umat Islam namun tetap dibiarkan untuk dimiliki oleh pemilik sebelumnya. Mu'awiyah ibn Ubaidullah (w.786) Adalah orang pertama yang menulis tentang kharaj. Beliau adalah menteri terkemuka pada masa Khalifah al-Mahdi (Abbasiyah), namun, buku tersebut telah hilang. Dari puluhan buku berjudul al-Kharaj yang ada hingga saat ini adalah karya-karya dari Abu Yusuf, Yahya ibn Adam, dan Qudamah ibn Ja'far (Irkhami, 2019).

Al-Kharaj menjadi penyumbang utama kepada hasil negara pada masa itu kerana masyarakat Islam ketika itu sebahagian besarnya merupakan masyarakat bertani. Pada mulanya, cukai tersebut dikenakan ke atas tanah yang dimiliki oleh orang bukan Islam, namun apabila majoriti masyarakat tunduk kepada pemerintah baharu dan orang ramai memeluk agama Islam, kerajaan kemudian mula mengenakannya kepada semua rakyat. Dalam erti kata lain, semua pemilik tanah tertakluk kepada al-kharaj. Menurut Muhammad Diya' al-Din al-Rais, perkara ini berterusan sehingga ke satu tahap di mana makna al-kharaj berkembang menjadi cukai tanah secara eksklusif (Irkhami, 2019).

Jizyah

Jizyah berasal daripada perkataan jaza yang bermaksud mencukupi. Istilah jizyah merujuk kepada sebahagian harta yang dikenakan ke atas orang yang berada di bawah perlindungan umat Islam dan mereka mempunyai perjanjian dengan umat Islam. Jizyah adalah hak yang Allah SWT berikan kepada umat Islam daripada golongan kafir sebagai bentuk ketundukan mereka kepada Islam. Walau bagaimanapun, sebagai balasan, umat Islam mestilah memberikan perlindungan terhadap nyawa dan harta benda golongan kafir yang telah membayar jizyah tersebut (Ariani, 2024). Ketentuan jizyah adalah berdasarkan firman Allah SWT seperti berikut:

﴿فَاتْلُوا الدِّينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَا بِالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَا يُحَرِّمُونَ مَا حَرَّمَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَلَا يَدِينُونَ دِينَ الْحَقِّ مِنَ

الدِّينِ أَوْ تَوْأَمُوا الْكِتَابَ حَتَّى يُعْطُوا الْجِزْيَةَ عَنْ يَدٍ وَهُمْ صَاغِرُونَ ﴿

Maksudnya: "Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak beriman kepada hari akhirat, dan mereka tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan oleh Allah dan Rasul-Nya, dan mereka tidak beragama dengan agama yang benar (iaitu agama Allah), (iaitu) di antara orang-orang yang telah diberikan kitab, sehingga mereka membayar jizyah (cukai) dengan patuh sedang mereka dalam keadaan tunduk."

(Sūrah al-Taubah: 29)

Ayat di atas diturunkan dalam konteks sejarah yang khusus di mana negara Islam awal menghadapi tentera yang memusuhi daripada kumpulan tertentu dalam kalangan Ahli Kitab yang melanggar perjanjian atau menimbulkan ancaman ketenteraan. Mengenakan cukai jizyah ke atas orang bukan Islam adalah satu bentuk pampasan bagi perlindungan dan keselamatan yang disediakan oleh kerajaan. Ia juga boleh difahami sebagai satu bentuk penghargaan yang diberikan kepada mereka atas ketundukan mereka kepada undang-undang Islam. Oleh itu, seseorang warganegara hanya boleh dikategorikan sebagai dhimmi jika dia telah menyerah diri kepada peraturan kerajaan. Dari segi ekonomi, ia adalah lebih menguntungkan bagi mereka berbanding jika mereka tidak mahu tunduk kepada peraturan tersebut (Irkhami, 2019).

Jadual 1: Jenis-Jenis Pendapatan Negara Dalam al-Quran

Jenis Pendapatan	Rujukan al-Quran	Perincian Ringkas
Zakat	Surah al-Baqarah: 267; Surah al-Taubah: 60	Hasil utama daripada aset tertentu (ternakan, pertanian, emas/perak) untuk diagihkan kepada 8 asnaf.
Sedekah / Infak	Surah al-Baqarah: 177, 262, 267; Surah al-Munafiqun: 10	Sumbangan sukarela atau wajib (zakat) untuk penyucian rohani dan bantuan sosio-ekonomi.
Galian (Ma'adin)	Surah al-Saba': 10 (Melalui kisah Nabi Daud AS)	Hasil bumi seperti emas, besi, garam, dan minyak yang diuruskan untuk kepentingan awam.
Ghanimah	Surah al-Anfal: 41, 69	Harta rampasan perang daripada musuh; 1/5 (khumus) diperuntukkan untuk negara dan asnaf tertentu.
Fay'	Surah al-Hashr: 6	Harta yang diperolehi daripada musuh tanpa peperangan; diuruskan sepenuhnya oleh pemerintah untuk kebajikan umum.
Kharaj	Berdasarkan amalan Nabi SAW di Khaibar	Cukai tanah yang dikenakan ke atas hasil pertanian di tanah yang ditakluki atau melalui perjanjian.
Jizyah	Surah al-Taubah: 29	Cukai perlindungan yang dikenakan ke atas warganegara bukan Islam (Dhimmi) sebagai pampasan jaminan keselamatan.

Kesimpulan

Hasil perbincangan menunjukkan bahawa al-Qur'an menyediakan kerangka yang komprehensif bagi pengurusan hasil negara. Sumber pendapatan seperti zakat, sedekah, ghanimah, fay', kharaj, dan jizyah bukan sekadar instrumen pengumpulan dana, tetapi merupakan mekanisme sosio-ekonomi yang mementingkan keadilan dan keseimbangan. Zakat dan sedekah berfungsi sebagai pemangkin kebajikan sosial, manakala instrumen seperti kharaj dan jizyah menunjukkan fleksibiliti sistem fiskal Islam dalam menguruskan kepelbagaian sumber bumi dan kedaulatan negara.

Secara tuntasnya, pengaplikasian prinsip-prinsip kewangan awam Islam yang digariskan dalam al-Qur'an mampu memberikan alternatif yang mampan kepada sistem ekonomi moden. Kesedaran terhadap pengurusan hasil yang halal dan berkat, serta pengagihan yang telus, adalah kunci utama dalam membasmi kemiskinan dan memacu pertumbuhan ekonomi negara yang lebih inklusif. Kajian masa hadapan dicadangkan untuk melihat sejauh mana instrumen-instrumen ini boleh disepadukan secara teknikal dalam sistem perakaunan dan percukaian negara moden bagi memastikan kelestarian ekonomi ummah.

Penghargaan

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya, Profesor Madya Dr Raudlotul Firdaus Fatah Yasin dan penyelia bersama Dr Nur Arfifah Abdul Sabian, atas bimbingan dan sokongan yang amat berharga sepanjang proses penyelidikan ini dijalankan. Kepakaran dan pandangan mereka sangat bermakna dalam membentuk penyelidikan ini serta membantu kami mengatasi pelbagai cabaran.

Rujukan

Al-Qur'an

- Ariani, F. (2024). Ushur and jizyah in the perspective of Islamic economics: Their role and function in state revenue. In *Proceedings of the 1st Antasari Conference of Islamic Economics and Business* (pp. 184–199).
- Hamdi, B., & Widiastuti, T. (2021). An Islamic economic perspective about sources of public finance revenue in Indonesia. *Al-Uqud: Journal of Islamic Economics*, 5(1), 43–59. <https://doi.org/10.26740/al-uqud.v5n1.p43-59>
- Hossain, M. Z. (2012). Zakat in Islam: A powerful poverty alleviating instrument for Islamic countries. *International Journal of Economic Development Research and Investment*, 3(1), 1.
- Irkhami, N. (2019). Zakat, Kharāj, 'Ushr, and Jizyah as the instruments of Islamic public finance: A contemporary study. *Share: Jurnal Ekonomi dan Keuangan Islam*, 8(1), 90–113.
- Ismail, A. G. (2019). *Impact of Islamic religious revenues on economic development across states in Malaysia* (IESTC Working Paper Series, Working Paper No. 18). Organization of Islamic Economic Studies and Thoughts.
- Johari, F., & Ibrahim, P. (2010). The dynamism in the implementation of al-kharāj during the Islamic rule (634–785 AD). *Shariah Journal*, 18(3), 629–658.
- Mahzir, K. F. (2020). Analisis sumber ekonomi pada era pemerintahan Rasulullah SAW di Madinah. *International Journal of West Asian Studies*, 12, 1–14.
- Mohd. Sharif, M. F., & Abdullah, A. (2021). A study on ghanīmah and fay' as warfare property of early Islam: The first twenty-three years. *Social Sciences*, 11(10), 692–704.

- Ritonga, M. A., & Mahyudin, E. (2020). Review of zakat, infaq, and shadaqah as a similar terminology. In *Proceedings of the 1st International Conference on Recent Innovations (ICRI 2018)* (pp. 801–808). SCITEPRESS – Science and Technology Publications, Lda. <https://doi.org/10.5220/0009917608010808>
- Santika, G., Janwari, Y., & Jubaedah, D. (2023). Sumber Pendapatan Negara Dalam Pandangan Al-Mawardi. *MASHLAHAH*, 2(1), 8-15. <https://doi.org/10.32670/coopetition.v15i3.4523>
- Sugianto, E. (2020). Sumber Pendapatan Negara Menurut Cendikiawan Muslim Imam Al-Mawardi. *Studia: Jurnal Hasil Penelitian Mahasiswa*, 5(2), 1-11.
- Yusof Othman, & Wan Fisol, M. Y. (2019). *Income zakat: Issues, management and suggestions*. KUIN Sdn Bhd.
- Osili, U., & Ackerman, J. (2013). *International Million Dollar Donors Report 2013*. Indiana University Lilly Family School of Philanthropy. Dicapai pada 15 Februari 2024, daripada <https://scholarworks.iupui.edu/items/cbe0bdc4-9be0-4113-ba42-198e22ca1e3d>
- Wahyuni, A. S., Juliarto, A., & Chariri, A. (2020). Finding ownership structure in the mining industry by using Islamic according perspective. In *Proceedings of the 4th International Conference on Accounting, Management, and Economics, ICAME 2019, 25 October 2019, Makassar, Indonesia*. EAI. <https://doi.org/10.4108/eai.25-10-2019.2295389>
- Zamri bin Rajab. (2012). *Pendekatan tauhid dalam ekonomi*. Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, IPG Kampus Sultan Mizan.